

PENTING/PENAFIAN

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat produk sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk menerima iGain.

iGAIN

30 SEPTEMBER 2018

MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PRODUK

1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?

Produk	iGain
<p>Berkenaan Kontrak Syariah</p>	<p>Mudarabah: Satu bentuk kontrak antara penyedia modal (<i>rabbul mal</i>) dan seorang usahawan (<i>mudarib</i>) di mana <i>rabbul mal</i> menyediakan modal yang akan diuruskan oleh <i>mudarib</i> dan apa-apa keuntungan yang dijana daripada modal tersebut akan dikongsi di antara <i>rabbul mal</i> dan <i>mudarib</i> mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama manakala kerugian kewangan adalah ditanggung sepenuhnya oleh <i>rabbul mal</i> dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu <i>mudarib</i>.</p> <p>Bagi iGain, pemegang akaun pelaburan bertindak sebagai penyedia modal (<i>rabbul mal</i>) yang akan diuruskan oleh Bank yang bertindak sebagai usahawan (<i>mudarib</i>) dengan tujuan berkongsi keuntungan yang dijana daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank.</p>
<p>Jenis Akaun Pelaburan</p>	<p>Akaun Pelaburan Tidak Terhad: merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana pemegang akaun pelaburan memberikan mandat penuh untuk membuat keputusan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.</p> <p>“Akaun Pelaburan” seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA”) bermaksud suatu akaun di mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Syariah dengan terma yang nyata atau tersirat bahawa tiada obligasi/tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan –</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang dikongsi di antara orang yang membayar wang dan orang yang menerima wang itu; atau (b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan. <p>Bagi maksud iGain dan berdasarkan kontrak Syariah <i>Mudarabah</i>, pemegang akaun pelaburan dan Bank akan berkongsi apa-apa keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank manakala kerugian kewangan akan ditanggung oleh pemegang akaun semata-mata dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.</p>
<p>Pihak-pihak yang terlibat dalam Aktiviti-Aktiviti Pelaburan serta Peranan-Peranan dan Tanggungjawab</p>	<p>Pihak-pihak yang terlibat adalah pemegang akaun pelaburan sebagai penyedia modal dan Bank bertindak sebagai usahawan. Bank sebagai usahawan akan bertanggungjawab untuk menguruskan modal yang disediakan oleh pemegang akaun pelaburan terhadap aktiviti pelaburan sebagaimana yang difikirkannya sesuai. Pemegang akaun pelaburan tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelaburan.</p>

Ciri-ciri Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang akaun pelaburan boleh melanggan perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih (TAP) selepas pembukaan iGain dengan Bank Islam. • Pemberian buku cek atas permintaan pemegang akaun pelaburan.
---------------------------	--

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang layak bagi produk ini?

Sasaran Pasaran	Individu <ul style="list-style-type: none"> • Pemaustatin • Bukan Pemaustatin
Risiko Pelaburan	Pelaburan dan pulangnya tidak dijamin.
Tempoh Untuk Memegang Pelaburan	Tiada tarikh matang dan pengeluaran adalah fleksibel.
Had Pelaburan	Tiada had pelaburan.

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah maklumat berkaitan pelaburan ini?

Objektif Pelaburan, Strategi, dan Polisi	Objektif	Menawarkan peluang kepada pemegang akaun pelaburan untuk mendapatkan pulangan yang stabil dan berkala di samping membolehkan pemegang akaun pelaburan membuat pelaburan dan pengeluaran melalui transaksi di kaunter, cek, perbankan internet dan sebagainya.
	Strategi	Dana ini dikategorikan sebagai pelaburan berisiko rendah dan sederhana di mana dana akan dilaburkan di dalam portfolio Pembiayaan Perumahan & Aset Tetap Bank untuk menjana pulangan yang stabil kepada pemegang akaun pelaburan.
	Polisi	Menguruskan pulangan portfolio yang sejajar dengan keperluan pengurusan kecairan Bank, strategi aset dan kesejahteraan pelaburan.
Penilaian Risiko ke atas Prestasi Aset Pelaburan	Pengurusan proaktif aset pembiayaan runcit dan laporan prestasi berkala pelaburan boleh dilihat melalui laman sesawang Bank Islam.	
Jumlah Minima Pelaburan Permulaan	RM1,000.00	
Baki Minima di dalam Akaun	RM1,000.00 (tidak termasuk apa-apa yuran dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank) Nota: Pemegang akaun pelaburan dikehendaki mengekalkan baki minimum dalam akaun pada setiap masa sebelum mengeluarkan apa-apa cek, memindahkan apa-apa dana atau melakukan apa-apa transaksi melainkan akaun itu ditutup.	
Tempoh Pelaburan	Tiada tempoh minima atau maksima yang ditetapkan.	

Nisbah Perkongsian Keuntungan dan Pengiraan

Baki (RM)	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	
	Pelanggan (%)	Bank (%)
50,000 ke bawah	4.01	95.99
50,000 – 100,000	34.46	65.54
100,000 ke atas	34.46	65.54
Dorman (tanpa mengira sebarang baki)	2.40	97.60

Formula:

Baki Harian Kumulatif bagi Bulan Pengiraan Pelaburan x Kadar Kasar (%) x PSR (%) X Bilangan Hari bagi Bulan Pengiraan Pelaburan / 365

Di mana:

- Kadar Kasar = Kadar kasar pulangan tahunan ('R') ialah kadar di mana perkongsian keuntungan untuk pelaburan berasaskan *murabahah* sedang dibuat. Pulangan sebenar dibayar kepada pemegang akaun pelaburan adalah berdasarkan PSR yang dipersetujui pada "R" semasa.
- Kadar pulangan kasar mungkin berubah pada setiap 16 haribulan.

Sampel Pengiraan Keuntungan:

Tarikh Akaun Dibuka : 1/8/2018

Tarikh Bulan Berakhir : 31/8/2018

Bilangan Hari Bagi Bulan Berakhir : 31 days

Baki Harian		PSR (IAH:Bank)	Kadar Kasar (%)	Pengiraan Keuntungan	Hasil Keuntungan (RM)
Tarikh	RM				
1/8/18 to 10/8/18	40,000.00	4.01:95.99	6.32	RM40,000.00 x 6.32% x 4.01% x 10/365	2.78
11/8/18 to 19/8/18	20,000.00	4.01:95.99	6.32	RM20,000.00 x 6.32% x 4.01% x 9/365	1.25
20/8/18 to 31/8/18	70,000.00	34.46:65.54	6.32	RM70,000.00 x 6.32% x 34.46% x 12/365	50.12
Jumlah Keuntungan Bagi Bulan					54.15

Kaedah Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan pelanggan pada setiap akhir bulan atau apabila penutupan akaun.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat

- Pemegang akaun pelaburan hendaklah mengekalkan baki minima sebanyak RM1,000.00 (tidak termasuk apa-apa yuran dan caj yang dikenakan oleh pihak Bank) di dalam akaun pada setiap masa.
- Tiada tempoh matang. Pemegang akaun pelaburan bebas untuk menarik balik atau menambah pelaburan di dalam iGain.

4. Apakah hasil yang mungkin saya dapat daripada pelaburan saya?

Pemegang akaun pelaburan boleh mendapat manfaat daripada prestasi positif portfolio aset kewangan runcit yang bercagar akibat daripada peningkatan dalam keuntungan terakru yang diperolehi.

Pemegang akaun pelaburan mungkin kehilangan mana-mana bahagian atau semua pelaburan di atas kes kegagalan prestasi portfolio pelaburan asas seperti yang diharapkan.

Pembahagian Aset : Pembiayaan Perumahan & Aset Tetap Kadar Terapung

iGain DANA 1
Aliran Prestasi Bagi Tiga (3) Tahun Kebelakangan

Bulan	Saiz Dana RM'000	Pulangan Atas Aset (ROA) setahun
Jan - 18	105,634	6.31%
Feb - 18	263,610	6.32%
Mac - 18	495,209	5.67%

ROA adalah pada prestasi yang terbaik apabila ia mencapai 6.32% setahun. Prestasi sederhana adalah pada 6.31% setahun dan prestasi yang paling buruk adalah pada 5.67% setahun.

Notis Penting: Pulangan Atas Aset (ROA) di atas adalah berdasarkan prestasi masa lepas. Ia bukan petunjuk prestasi pada masa hadapan.

5. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Bank akan mengenakan kawalan pengurusan risiko ke atas portfolio, undang-undang dan aktiviti operasi; termasuk peruntukan aset, kecairan pematuhan kepada objektif pelaburan dan parameter, penilaian, pemantauan prestasi dan lain-lain seperti yang dibimbing Dasar Akaun Pelaburan BNM. Walau apa pun yang dinyatakan seperti di atas, Bank boleh menguruskan peruntukan aset untuk melindungi portfolio pelaburan pada masa-masa kesukaran dalam pasaran, dengan syarat pelaburan tersebut terletak di dalam objektif pelaburan Dana. Oleh itu, pemegang akaun pelaburan dinasihatkan supaya berhati-hati mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan. Pemegang akaun pelaburan akan terdedah kepada risiko-risiko berikut:-

- i. **Risiko Pasaran:** merujuk kepada kesan potensi pergerakan harga (contohnya kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing atau harga ekuiti, di mana berkenaan) pada nilai ekonomi sesuatu asset.
- ii. **Risiko Kredit:** merujuk kepada potensi bahawa Bank gagal memenuhi tanggungjawabnya kepada pemegang akaun pelaburan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui.
- iii. **Risiko Kecairan:** merujuk kepada kerugian bagi pemegang akaun pelaburan yang mungkin timbul daripada risiko kecairan di mana terdapat kekurangan pada keuntungan yang dikembalikan dan kebarangkalian hakisan atau kehilangan modal.
- iv. **Risiko Operasi:** merujuk kepada potensi kerugian akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau peristiwa luaran.
- v. **Risiko Perundangan:** pemegang akaun pelaburan harus memastikan bahawa, penyertaan ke dalam pelaburan ini adalah tidak melanggar sebarang undang-undang, peraturan, kontrak atau apa-apa batasan undang-undang lain yang boleh dikenakan kepada pemegang akaun pelaburan. Pelaburan ini tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Sekiranya berlaku perubahan dalam sebarang undang-undang, peraturan-peraturan atau garis panduan, Bank Islam diwajibkan untuk mengubah sebahagian atau kesemua terma-terma dan syarat-syarat pelaburan, termasuk kemungkinan penamatan awal.

YURAN & CAJ

6. Apakah yuran dan caj yang terlibat ?

Perkara	Caj	Kadar / Jumlah
Penutupan Awal Akaun	Dalam masa 3 bulan	RM20.00
Akaun Dorman	Dengan baki sehingga RM5.00	Akaun akan ditutup dan baki ini akan diserap oleh Bank sebagai suatu caj.
Lain-lain Yuran & Caj	Sepertimana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Sila rujuk yuran dan caj pada laman sesawang Bank Islam di www.bankislam.com.my bagi setiap produk/perkhidmatan berkaitan.	

Nota: Pemegang akaun pelaburan bersetuju bahawa Bank berhak untuk mengenakan bayaran bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada pemegang akaun pelaburan pada kadar yang dikenakan oleh Bank (sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah) dan seperti yang dinyatakan dalam PDS dan / atau di laman web Bank.

PENILAIAN

7. Bilakah strategi penilaian dan kekerapan diterbitkan?

Penilaian akan dilakukan sekurang-kurangnya setiap bulan selaras dengan pengiktirafan dan pengukuran criteria Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). Pemegang akaun pelaburan boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan dari laman sesawang Bank Islam di <http://www.bankislam.com.my>

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

8. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

- Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan, anda boleh menghubungi kami di:
Saluran Maklum balas & Pusat Panggilan
Bank Islam Malaysia Berhad
Ting. 17, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-26 900 900
Fax: 03-2782 1337
Emel: feedbackchannel@bankislam.com.my ; atau
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK:
 - (a) melalui telefon: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
 - (b) melalui fax : +603-2174 1515
 - (c) melalui emel : bnmtelelink@bnm.gov.my
 - (d) melalui surat: **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)**
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

Nota: Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan-peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

AMARAN:

PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENANGGUNG RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN ATAU MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 30 September 2018.